

BETULKAH FINLAND MENAWARKAN PENDIDIKAN PERCUMA ?

Nota

- Betul, tapi bandingkan fakta-fakta berikut:**
Fakta A : Finland dengan enrolmen pelajar seramai 169,000 orang telah menawarkan pengajian tinggi percuma TETAPI Malaysia dengan enrolmen pelajar IPTA seramai 508,256 orang mampu memberikan subsidi yuran pengajian tinggi sehingga 95%; dan
Fakta B : Finland dengan kadar cukai maksimum 53% telah menawarkan pengajian tinggi percuma TETAPI Malaysia dengan kadar cukai maksimum 26% mampu memberikan subsidi yuran pengajian tinggi sehingga 95%;
- Dalam erti kata lain, pendidikan percuma di Finland dibiaya oleh dana awam sepenuhnya melalui kadar cukai yang tinggi tetapi Malaysia dengan kadar cukai separuh daripada apa yang dikenakan oleh Finland mampu memberikan subsidi yuran sehingga 95% kepada lebih 500,000 orang pelajar IPTA setahun; dan
- Malaysia juga turut membelanjakan lebih RM20 bilion setahun untuk subsidi bahan api dan keperluan harian rakyat (gula, tepung, minyak masak dan lain-lain).

Membayar pinjaman pendidikan dengan kadar upah 1% setahun adalah jauh lebih baik dari terpaksa membayar separuh daripada gaji setiap bulan untuk cukai kerajaan sepanjang kerjaya kita

Jadi, dengan melihat kepada fakta di sebelah, rakyat Malaysia secara keseluruhan lebih beruntung untuk tempoh jangka masa panjang.



PTPTN

DAN AKSES KEPADA PENGAJIAN TINGGI



BETULKAH TURKI MENAWARKAN PENDIDIKAN PERCUMA ?

Kadar Yuran Pengajian Tinggi di Turki

Bidang	Yuran Tahunan
Perubatan	591 TL (RM1,034.25)
Pergigian	494 TL (RM864.50)
Farmasi	494 TL (RM864.50)
Kejuruteraan	387 TL (RM677.25)
Senibina	387 TL (RM677.25)
Undang-undang	313 TL (RM547.75)
Ekonomi	313 TL (RM547.75)
Pendidikan	384 TL (RM672.00)

Kadar pertukaran wang pada 11 Jun 2012 : 1 TL = RM1.75
 TL = Turkish Lira
 RM = Ringgit Malaysia

Nota

- Tidak betul, Turki juga mengenakan yuran pengajian di peringkat tertiar dan pasca siswazah DAN keadaannya sama seperti Malaysia. Kadar yuran universiti di Turki adalah seperti jadual di sebelah.
- Turki hanya menawarkan pendidikan percuma di peringkat sekolah rendah, menengah dan tinggi dari gred 1 hingga 12 DAN Malaysia juga menawarkan pendidikan percuma di peringkat sekolah rendah dan menengah dari darjah 1 hingga tingkatan 6 atas.
- Di Turki ,sebahagian besar pelajar menerima pinjaman pendidikan menerusi Higher Education Credit and Dormitories Institution yang ditubuhkan pada 1961. Kadar faedah yang dikenakan adalah berdasarkan Indeks Harga Pengguna (CPI) yang mengikut kadar inflasi semasa.

PTPTN DAN AKSES KEPADA PENGAJIAN TINGGI

Betul tu, untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020, kita memerlukan sumber manusia yang mencukupi untuk menampung pertumbuhan ekonomi negara.

Kerajaan menubuhkan PTPTN untuk membolehkan lebih ramai anak muda kita mendapat akses kepada pengajian tinggi.



NOTA

1. Sebelum penubuhan PTPTN pada tahun 1997, kerajaan hanya mampu menyediakan biasiswa untuk sekitar 26,000 orang pelajar sahaja setahun
2. Ini bermaksud, ramai pelajar yang layak ke IPT tidak mendapat penajaan khususnya dalam kalangan mereka yang miskin dan berpendapatan sederhana
3. Hari ini PTPTN telah berjaya meningkatkan akses kepada pengajian tinggi. Pada tahun 2011, sejumlah 227,209 pelajar telah mendapat manfaat dari pinjaman PTPTN untuk melanjutkan pengajian di peringkat pengajian tinggi.

KERAJAAN MEMBIAYAI FAEDAH PINJAMAN PTPTN

Kita patut bersyukur PTPTN hanya mengenakan kadar upah 1% sahaja untuk pinjaman yang kita buat, itupun boleh runding lagi kalau kita tak mampu nak bayar bila dah tamat belajar

Kalau engkau nak tahu, itu sebenarnya nak tampung kos operasi PTPTN ... PTPTN pinjam dari bank untuk biaya kita, kerajaan yang tolong bayar faedahnya



NOTA

1. Bagi membiayai pinjaman pelajar, PTPTN telah membuat pinjaman dari institusi kewangan tempatan dan dikenakan faedah pinjaman di antara 4% - 5% setahun
2. Kadar faedah 4% - 5% di atas pinjaman ini ditanggung oleh kerajaan dan bukan pelajar. Untuk tempoh 2004 - 2011, kerajaan membelanjakan RM3.62 bilion untuk kadar faedah di atas
3. Kadar upah 1% yang dikenakan ke atas pelajar adalah untuk kos pengurusan PTPTN yang menggunakan konsep ujrah berdasarkan sistem kewangan Islam

PENGECUALIAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PTPTN

Untungnya kamu ... Tak perlu bayar hutang PTPTN

Itulah, ini mungkin berkat doa ibu bapa saya kat kampung dan saya lulus dengan cemerlang



NOTA

1. Pelajar dikecualikan daripada membayar balik pinjaman PTPTN sekiranya lulus dengan cemerlang dan berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian Kelas Pertama
2. Tiada had atau kuota untuk pengecualian ini dan sehingga 31 Disember 2011, seramai 11,764 pelajar telah diberikan pengecualian bayaran balik melibatkan jumlah pelupusan sebanyak RM339.07 juta

PRESTASI BAYARAN BALIK PINJAMAN PTPTN

Ada orang kata PTPTN hanya mampu kutip 10% sahaja dari jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan Jika dibiarkan berterusan, ini akan menyebabkan negara bankrap menjelang tahun 2020

Bohong tu Prestasi kutipan balik PTPTN ialah 55% sehingga 31 Disember 2011 Itupun kerana sikap tolak ansur PTPTN untuk kebajikan kita sebagai peminjam



NOTA

1. Sehingga 31 Disember 2011, seramai 742,924 peminjam atau 83% daripada 887,376 peminjam telah mula membuat bayaran balik pinjaman
2. Jumlah bayaran balik pinjaman yang telah diterima sehingga 31 Disember 2011 ialah RM2.96 bilion (55%) daripada jumlah RM5.41 billion yang sepatutnya dibayar balik
3. Jumlah bayaran balik pinjaman ini akan meningkat apabila kedudukan ekonomi peminjam telah bertambah baik dan peminjam mampu untuk menambah jumlah bayaran balik setiap bulan

KOMPONEN SARA HIDUP DALAM PINJAMAN PTPTN

Nasib baik duit PTPTN dah masuk

Betul tu, bolehlah kita bayar duit sewa rumah yang tertunggak ...



NOTA

1. Untuk pelajar IPTA, hanya 30% sahaja daripada jumlah pinjaman yang diterima oleh pelajar digunakan untuk bayaran yuran pengajian. Manakala baki 70% lagi digunakan untuk sara hidup
2. Untuk pelajar IPTS, 70% daripada jumlah pinjaman yang diterima oleh pelajar digunakan untuk bayaran yuran pengajian. Manakala baki 30% lagi digunakan untuk sara hidup
3. Tanpa pinjaman PTPTN, pelajar akan kehilangan sumber utama untuk membiayai sara hidup mereka sepanjang tempoh pengajian

SUBSIDY YURAN PENGAJIAN IPTA

Cukupkah duit pinjaman PTPTN untuk bayar yuran pengajian ...

Lebih dari cukup Kerajaan dah sedia beri subsidi untuk yuran pengajian dan kita tak perlu bergantung lagi pada keluarga di kampung



NOTA

1. Kerajaan telah mensubsidikan yuran pengajian di IPTA di antara 85% hingga 95% bergantung kepada bidang pengajian
2. Sebagai contoh, pelajar kejuruteraan di UKM hanya membayar RM5,600 sahaja untuk yuran pengajian bagi tempoh 4 tahun pengajian berbanding yuran pengajian sebenar iaitu RM61,200. Dalam erti kata lain, pelajar hanya membayar 9.2% sahaja dan baki 90.8% lagi dibiaya oleh kerajaan
3. Pada 31 Disember 2011, seramai 508,256 orang pelajar sedang mengikuti pelbagai bidang pengajian di IPTA dan semua pelajar ini mendapat subsidi di atas